



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

MINGGU

Mesra
MAHASISWA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

SESI 2024/2025

➤ 1-4 OKTOBER 2024
SELASA - JUMAAT

BUKU PANDUAN

HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN





Manfaatkan peluang yang amat istimewa ini, jadilah seorang Mahasiswa/i yang cemerlang, berdaya saing, bertanggungjawab dan beretika. Seluruh Warga UMK akan memberi perkhidmatan yang terbaik buat Mahasiswa/i UMK"

HAK CIPTA HEPA 2024

Buku Panduan Pelajar ini disediakan untuk rujukan pelajar-pelajar baharu mengenai hal ehwal pelajar di UMK. Maklumat yang terdapat di dalam buku ini adalah benar pada masa ia dicetak. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni) berhak membuat pindaan pada bila-bila masa apabila maklumat semasa dianggap mempunyai manfaat untuk dimasukkan.

Tajuk : Buku Panduan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Sesi Kemasukan 2024/2025
No. ISSN :

Diterbitkan oleh

Penerbitan Korporat UMK
Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Laman Web
Pusat Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok
Kelantan Darul Naim

Tel : 09-7797015
Emel : bpk.pkk@umk.edu.my

Disediakan oleh:

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok, Kelantan

Emel : hepa@umk.edu.my
Website : hepa.umk.edu.my
Facebook : My HEPA UMK
Instagram : hepaumk
Tiktok : MY HEPA UMK

Tel : 09-779 7720
Faks : 09 - 779 7722

KANDUNGAN

Muka Surat

SEKAPUR SIRIH NAIB CANSELOR	VII
PRAKATA TIMBALAN NAIB CANSELOR HEPA	IX
SEJARAH PENUBUHAN UNIVERSITI	02
PENGENALAN BUKU PANDUAN HEPA	05
PEMBANGUNAN PELAJAR	
○ PUSAT PEMBANGUNAN KERJAYA, KAUNSELING DAN ALUMNI	09
○ PUSAT PEMBANGUNAN MAHASISWA HOLISTIK DAN KEPIMPINAN PELAJAR	12
○ PUSAT KOKURIKULUM	17
○ PUSAT SUKAN	19
○ PUSAT KEBUDAYAAN	21
○ MAJLIS PENGETUA	24
PERKHIDMATAN PELAJAR	
○ PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	25
○ BAHAGIAN KEBAJIKAN DAN TATATERTIB PELAJAR	26
○ BAHAGIAN PENGINAPAN PELAJAR	31
FASILITI	33
DIREKTORI	35
PENGHARGAAN	36
LAGU UMK	37



SEKAPUR SIRIH NAIB CANSOLOR

Assalamualaikum
Warahmatullahi ta'ala
Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam
MALAYSIA MADANI

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya saya berpeluang mengabdikan kata alu-aluan di dalam Buku Panduan HEPA sempena kemasukan pelajar baharu bagi Sesi 2024/2025 dengan menetapkan supaya falsafah kurikulum pengajian di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berteraskan kepada pendidikan keusahawanan dan perusahaan (*entrepreneurship education and enterprises*) dalam semua program pengajian. Oleh itu, frasa rangsangan seperti "*Entrepreneurship is Our Thrust*" (Keusahawanan Teras Kami) dan "*Entrepreneurial University*" (Universiti Keusahawanan) digunakan secara meluas. Hasil daripada pelbagai program yang berteraskan keusahawanan, UMK telah mencapai Kebolehpasaran Graduan (GE) pada tahun 2023, kadar GE adalah 94.5% dan kadar GE Keusahawanan adalah 15.8%.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua pelajar baharu yang telah mendaftar di UMK. Sepanjang tempoh pengajian ini adalah diharapkan saudara dan saudari akan mendapat pelbagai pengalaman sebelum menempuh alam perkerjaan nanti. UMK sentiasa sedia membantu sepanjang berada di kampus.



Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan program Minggu Mesra Mahasiswa (3M) tahun ini.

Sekian, terima kasih.

Dato' Prof. Dr. Razli bin Che Razak
Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan



PRAKATA TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)

Assalamualaikum
Warahmatullahi ta'ala
Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan
Salam MALAYSIA MADANI

1 Oktober 2024 merupakan tarikh bersejarah di mana pelajar prasiswazah baharu telah mendaftar untuk Sesi Akademik 2024/2025. Selamat Datang dan Tahniah kepada anda semua atas kejayaan menjadi warga UMK. Untuk makluman, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah ditubuhkan pada 1 September 2006 dan telah menetapkan bahawa semua program pengajian mesti berasaskan pendidikan keusahawanan. Oleh itu, frasa seperti "Keusahawanan adalah Teras Kami" dan "Universiti Keusahawanan" akan digunakan secara meluas sepanjang anda berada di sini. Pihak UMK bukan sahaja memperkasakan elemen keusahawanan dalam pengajian, bahkan dalam aktiviti luar kelas akan turut diterapkan nilai keusahawanan kepada pelajar bagi memastikan pelajar yang lahir dari UMK adalah pelajar yang berkualiti tinggi dengan minda kelas pertama yang lengkap dengan ciri-ciri usahawan.

Buku Panduan HEPA ini disediakan bagi membantu anda semua memahami secara ringkas aktiviti/program/fasiliti yang disediakan sepanjang pengajian. Pihak HEPA sentiasa komited dalam membantu mahasiswa dalam menjalani kehidupan sebagai seorang "Mahasiswa". Pesan saya, jadilah seorang mahasiswa yang cemerlang, berdaya saing, bertanggungjawab dan bermoral dengan memanfaatkan peluang ini. Saya dan seluruh warga UMK akan mendoakan yang terbaik untuk anda semua.



Anda kini merupakan warga UMK bermula hari ini. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan tahniah atas kejayaan anda menjadi warga UMK.

Sekian, terima kasih.

Prof. Dr. Mohammad bin Ismail
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwat Pelajar dan Alumni)
Universiti Malaysia Kelantan



SEJARAH PENUBUHAN UNIVERSITI

Penubuhan sebuah universiti di Negeri Kelantan telah dijadikan satu komponen dalam Rancangan Malaysia Ke-9 bagi menyokong pembangunan modal insan berkualiti dalam sektor pendidikan tinggi negara. YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan persetujuan kerajaan untuk menubuhkan sebuah universiti di Kelantan dalam pembentangan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK ke 9) pada 31 Mac 2006.

Penubuhan universiti ini telah mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri dalam Mesyuarat Kabinet pada 14 Jun 2006. Jemaah Menteri juga telah menetapkan supaya falsafah kurikulum pengajian di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berteraskan kepada pendidikan keusahawanan dan perusahaan (*entrepreneurship education and enterprises*) dalam semua program pengajian. Oleh itu, frasa rangsangan seperti “Entrepreneurship is Our Thrust” (Keusahawanan Teras Kami) dan “Entrepreneurial University” (Universiti Keusahawanan) digunakan secara meluas. Pengkhususan pengajian untuk pembangunan jangka masa pendek dan sederhana dikelompokkan kepada tiga bidang pengajian iaitu:

1. Keusahawanan dan Perniagaan;
2. Teknologi Kreatif dan Warisan;
3. Agro-industri dan Sains Sumber Asli

Pada masa yang sama, penekanan diberikan kepada kemahiran berbahasa dan kemahiran insaniah. Semua program pengajian bertujuan untuk melahirkan modal insan negara yang berkualiti tinggi dengan minda kelas pertama yang lengkap dengan ciri-ciri usahawan. Modal insan yang dihasilkan diharap dapat dimanfaatkan untuk kesejahteraan global dan memberi perhatian kepada peningkatan keupayaan dan kemampuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) (*capability and capacity building of SME*) serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat perdagangan berkeusahawanan tinggi. Selaras dengan pelaksanaan semua bidang pengajian, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) digunakan sebagai pengupaya (ICT as an enabler).

VISI

Menjadi peneraju pembangunan insan seimbang dan holistik bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global

MISI

Menyediakan program akademik dan latihan berkualiti dan relevan, penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial tinggi, perkhidmatan yang efektif dan efisien dan mengutamakan persekitaran kondusif serta memenuhi tanggungjawab sosial

MOTO

“Keusahawanan Teras Kami”

TRANSFORMATIVE * ENTREPRENEURIAL

***EXCELLENT**



PENGENALAN BUKU PANDUAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

Buku Panduan Pelajar ini disediakan bertujuan untuk:

- Membantu mahasiswa untuk mengetahui kemudahan perkhidmatan dan fasiliti khususnya yang disediakan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).
- Memudahkan mahasiswa sebagai pelanggan utama Universiti mendapat perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan daripada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).
- Menjadi rujukan utama secara berterusan kepada mahasiswa mengikut keperluan dan kepentingan bagi menggunakan perkhidmatan yang telah disediakan dengan optimum.



LATAR BELAKANG HEPA

VISI

Meneraju keunggulan graduan holistik menerusi perkhidmatan dan pembangunan modal insan.

MISI

Memperkasa ekosistem kondusif demi kesejahteraan pelajar dan jaringan alumni.

OBJEKTIF

- Memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada pelajar menerusi program pembangunan aktiviti pelajar dan penyediaan kemudahan yang kondusif;
- Meningkatkan sahsiah pelajar dengan amalan berdisiplin dan bersahsiah mulia;
- Melahirkan graduan yang holistik dan berdaya saing dalam semua bidang termasuk kerjaya; dan
- Mewujudkan jaringan alumni UMK yang membantu pembangunan Negara.

PIAGAM PELANGGAN HEPA

- Memberi layanan yang mesra, perkhidmatan yang cekap dan tepat;
- Memberi peluang kepada pelajar UMK melibatkan diri dalam kegiatan badan beruniform, kebudayaan, sukan, khidmat komuniti, kesukarelawanan, pengucapan awam, keusahawanan, kepimpinan, daya usaha dan inovasi melalui kokurikulum ber kredit dan tidak ber kredit;
- Menyediakan penginapan seratus peratus kepada pelajar tahun satu di kolej kediaman;
- Mengamalkan sistem governan dan pengurusan kewangan yang efisien;
- Bertanggungjawab terhadap hal ehwal kebajikan pelajar dengan menguruskan biasiswa, pinjaman pelajaran dan tabung kebajikan





- Mengurus dan melaksanakan aktiviti pembangunan pelajar dari segi latihan, pertandingan atau penyertaan di peringkat Inter-varsity dan Intra-varsity ;
- Memastikan pelajar mendapat latihan/ kursus yang membina kemahiran *soft skill* dan pembangunan insaniah pelajar ;
- Membangunkan potensi individu sebagai modal insan yang mampu menyumbang kepada Negara ;
- Merancang dan menyediakan program berkonsepkan Kenegaraan yang mencukupi bagi memupuk semangat perpaduan dan cintakan Negara ; dan
- Memastikan pelaksanaan aktiviti alumni yang berkualiti ke arah kecemerlangan alumni.

PUSAT PEMBANGUNAN KERJAYA, KAUNSELING DAN ALUMNI

Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling dan Alumni (PKKA) berperanan menyediakan perkhidmatan kaunseling dan kerjaya kepada pelajar sejajar dengan Pelan Strategik UMK 2021 – 2025 di bawah Teras Pertama iaitu Keunggulan Pelajar yang berperanan dalam melahirkan graduan yang berketrampilan, berdaya saing dan menepati kehendak industri dan majikan. Selain itu, PKKA berperanan sebagai badan perhubungan Universiti yang bekerjasama dengan Persatuan Alumni UMK bagi membina hubungan dua hala yang berterusan demi kepentingan kedua-dua belah pihak iaitu para alumni dan UMK sebagai alma mater.

Pusat Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling dan Alumni terbahagi kepada tiga (3) fungsi utama sepertimana berikut:

SEKSYEN KEBOLEHPASARAN GRADUAN DAN PERHUBUNGAN KERJASAMA

1. Menyediakan pelbagai program berbentuk *reskilling* dan *upskilling* bagi mendapatkan Pensijilan Profesional sebagai nilai tambah kepada pelajar dan graduan selaras dengan keperluan pekerjaan semasa pada masa kini.
2. Menyediakan program pembangunan kerjaya kepada pelajar bermula dari Tahun 1 hingga Tahun 4 yang melibatkan program berbentuk kemahiran insaniah.
3. Bekerjasama dengan industri bagi mendapatkan peluang program dan peluang kerjaya kepada pelajar berdasarkan kepada bidang yang berkaitan.
4. Program yang disediakan kepada pelajar UMK dibawah kerjaya:

TAHUN 1	TAHUN 2	TAHUN 3	TAHUN 4
Starting School; <input type="checkbox"/> MyNEXT Profiling <input type="checkbox"/> LinkedIn Account <input type="checkbox"/> Seminar/ Webinar/ Talk (Industry)	Pre-Finishing School; <input type="checkbox"/> Seminar/ Webinar/ Talk (Industry) – Sekurang-kurangnya dua (2) kali penyertaan	Pre-Finishing School; <input type="checkbox"/> Bengkel Penulisan Resume/ Visume & Surat Iringan & Email <input type="checkbox"/> Penampilan Diri & Kemahiran Komunikasi <input type="checkbox"/> Career Exploration Talk	Finishing School; <input type="checkbox"/> Taklimat Sistem Kajian Pengesanan Graduan <input type="checkbox"/> Pendaftaran MyFuture Jobs <input type="checkbox"/> Professional Grooming <input type="checkbox"/> Get Hire

BAHAGIAN KAUNSELING PELAJAR

Perkhidmatan kaunseling di UMK dikendalikan oleh kaunselor bertauliah dan berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia. Perkhidmatan ini disediakan kepada semua pelajar sama ada secara sukarela atau rujukan oleh pihak-pihak tertentu. Perkhidmatan Bimbingan kepada pelajar turut akan dibantu oleh pelajar-pelajar kanan yang dilatih melalui Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS UMK).

PERKHIDMATAN KAUNSELING



Kaunseling Individu



Kaunseling Kelompok



Sesi Bimbingan



Ujian Psikologi

PERKHIDMATAN PROGRAM KAUNSELING



Kerahsian adalah merupakan landasan yang menghubungkan kepercayaan antara kaunselor dan klien dalam memberikan perkhidmatan kaunseling yang terbaik dan berkesan. Oleh itu, perkhidmatan kaunseling adalah berdasarkan Akta Kaunselor 1998 dan Garis Panduan Kod Etika Kaunselor yang ditetapkan dalam profesion kaunseling di Malaysia.

FUNGSI DAN PERANAN



SEKSYEN JARINGAN ALUMNI

Seksyen ini berperanan sebagai badan perhubungan Universiti yang bekerjasama dengan Persatuan Alumni UMK bagi membina hubungan dua hala yang berterusan demi kepentingan kedua-dua belah pihak iaitu para alumni dan UMK sebagai alma mater.



PUSAT PEMBANGUNAN MAHASISWA HOLISTIK DAN KEPIMPINAN PELAJAR

Pusat ini bertanggungjawab menguruskan program kepimpinan pelajar mengikut **7 Teras Pembangunan Pelajar** secara berkala, pengiktirafan atau penganugerahan kepimpinan pelajar, pendaftaran kelab/ persatuan pelajar baharu, pengurusan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)/ kelab/ persatuan, penyertaan pelajar dalam program anjuran Kementerian, jabatan/agensi kerajaan, syarikat swasta atau badan bukan kerajaan (NGO) dan pengurusan permohonan aktiviti dari kelab/ persatuan pelajar yang berdaftar.

7 TERAS PEMBANGUNAN PELAJAR

Teras Pembangunan Pelajar dikategorikan menjadi 7 bahagian. 7 Teras Pembangunan Pelajar tersebut adalah:

TERAS 1: Pengucapan Awam

TERAS 2: Kepimpinan

TERAS 3: Sukan

TERAS 4: Komuniti & Sukarelawan

TERAS 5: Keusahawanan

TERAS 6: Daya dan Inovasi

TERAS 7: Kebudayaan

KELAB & PERSATUAN

Kepimpinan

- Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
- Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK)
- Sekretariat Majlis Perwakilan Pelajar (Seky MPP)
- Sekretariat Pembangunan Kerjaya Mahasiswa (SPKM)
- Pembimbing Rakan Siswa (PRS)
- Sekretariat Rakan Muda (SRM)
- Kelab Pengucapan Awam UMK
- Kelab Pendidikan Pengundi
- Kelab Pandu Puteri Klover UMK
- Kelab PESKO
- Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah (AMAR)
- Kelab Fise Legacy

Kerohanian

- Kelab Jawatankuasa Teman (JT)
- Kelab Rakan Siswa YADIM
- Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA)

Sukan

- Persatuan Seni Silat Cekak Hanafi
- Persatuan Seni Silat Tarala' Halilintar
- Kelab Pencak Silat
- Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM)
- Kelab Taekwondo
- Kelab Petanque
- Kelab *Hawk Volleyball*
- Kelab Bola Keranjang
- Kelab Rekreasi Universiti (KRU)
- Sekretariat Kumpulan Rakan Siswa Malaysia (KARISMA)
- Kelab Ekuin UMK
- Kelab Briged Gayong Malaysia UMK
- Kelab Sara Taekwondo Universiti Malaysia Kelantan
- Ping Pong UMK
- Netballer UMK
- Kelab Explorimba
- The Vigorous Smasher Club

Keusahawanan

- Sosial Enterprise For Economic Development (SEED)
- Bursa Young Investor Club (BYIC)
- Sekretariat Keusahawanan Mahasiswa (SKM)
- Kelab Digital Entrepreneurship Apprentice@UMK

Daya Usaha & Inovasi

- UMK E-Sport Club
- MySTEM Ambassador UMK

Kebudayaan

- Kelab Lestari Warisan (LE'WARIS)
- Kelab Teater Pusaka

Kesukarelawanan dan Khidmat Masyarakat

- Program Siswa Sihat (PROSIS)
- Komuniti Sukarelawan Mahasiswa UMK (KOSUM)
- Kelab Nadi InsPeK
- Kelab Darul Falah (KDF)
- Kelab Pencegah Jenayah
- UMK One Health Student Club
- Volunteer Malaysia (VM)
- Kelab Penyayang
- Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM)

Bahasa

- Kelab Bahasa Perancis
- Kelab Bahasa Jerman
- Kelab Bahasa Jepun
- Kelab Sawatdii Thai
- Mandarin Language Society (MLS)
- Tamil Language Society (TLS)
- Kelab Al-Ibtikar
- Business Communication with English Club (BCE CLUB)

Anak Negeri

- Sekretariat Mahasiswa Waris (SEWARIS)
- Kelab Himpunan Mahasiswa Kelantan (HIMSAK)
- Penggerak Anak Johor (PAJUMK)
- Pemufakatan Siswa Siswi FELDA (PERSADA)
- Persatuan Siswazah Perak (PERSIP)
- Persatuan Anak Terengganu (PERMATA)
- Kelab Siswa Siswi Darul Aman (SISMA)
- Majlis Mahasiswa Anak Pahang (MAMPAN)
- East Village Association (EVA)
- Persatuan Mahasiswa Selangor Dan Wilayah
- Persekutuan Kuala Lumpur (PERMISWA)
- Kelab PERWAKA
- Majlis Mahasiswa Anak Pulau Pinang (MMAPP)

Akademik

- UMK BACHOK
 - Artchistic Club
 - Interia Club
 - Landart Society
 - Kelab Ilmuan Warisan (KIWA)
 - Multimedia (MERGE)
 - Kelab Rekabentuk Perindustrian (REID)
 - Rekabentuk Komunikasi Visual (VCODE)
 - Kelab Textile Fesyen (TEXFAS)
 - Animation Creative Empire (ACE)
 - Kelab Seni UMK
- KAMPUS JELI
 - Matecrev
 - Kelab Mybiosa / INNOBIOTECH
 - Kelab Cargre
 - Kelab Sinergi Lestari
 - Kelab Eco - Friendly
 - Kelab Explorasi
 - Food Security (FOODSEC)
 - Kelab Inovasi Produk (IPRO)
 - Agro Club
 - Kelab Pencinta Haiwan

- KAMPUS KOTA
 - Technocrats Club
 - UMK Accounting Club
 - Kelab Perbankan dan Kewangan Islam (SAB)
 - Kelab Perdagangan (SAK)
 - Kelab Keusahawanan (SAE)
 - Kelab Keusahawanan Peruncitan (SAR)
 - Kelab Logistik Dan Perniagaan Penedaran (SAL)
 - Kelab Hospitaliti (SAH)
 - Kelab Keusahawanan Kesihatan (SAW)
 - Kelab Perlancongan (SAP)
 - Veterinary Student Association (VETSA)

PROSES PENUBUHAN KELAB/PERSATUAN PELAJAR

- **Sistem Portal Capsule UMK**

Permohonan penubuhan kelab/persatuan perlu dikemukakan melalui Portal Capsule UMK bersama Kertas Kerja Penubuhan Kelab/Persatuan (Portal Capsule UMK).

- **Garis Panduan Pengurusan Kelab/ Persatuan Pelajar**

Peraturan bertulis mengenai perjalanan sesuatu persatuan pelajar yang dicadangkan untuk ditubuhkan.

- **Jawatankuasa Kelab/Persatuan**

Sebuah kelab/persatuan yang ingin ditubuhkan mestilah terdiri daripada 10 orang atau lebih ahli.

- **Tanggungjawab**

Pusat Pembangunan Mahasiswa Holistik dan Kepimpinan Pelajar bertanggungjawab menyemak dokumen permohonan untuk penubuhan Kelab/Persatuan Pelajar sebelum dihantar kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni). Jawatankuasa Penubuhan Kelab/Persatuan bertanggungjawab untuk membuat keputusan terhadap permohonan penubuhan sesuatu Persatuan Pelajar.

Prosedur Terperinci

Kemukakan Permohonan melalui Portal Capsule UMK dan Kertas Kerja Penubuhan Kelab/Persatuan bersama dokumen berkaitan penubuhan.	YDP Kelab/Persatuan
Semak maklumat yang diberikan. Sekiranya tidak lengkap atau kurang sempurna, kemukakan kembali kepada pemohon untuk tindakan pembetulan.	PPT/ PTPO
PP buat penilaian, perakuan dan semakan ke atas permohonan melalui sistem.	PP/ PPK
Hantar borang permohonan yang telah lengkap kepada TNC (HEPA) untuk kelulusan.	PP HEPA
Sesi pembentangan bersama TNC HEPA.	PPT/ PTPO
Keluarkan surat kelulusan/ penolakan kepada jawatankuasa kelab/persatuan.	PP/ PPK
Daftarkan pertubuhan bagi permohonan yang diluluskan sahaja	PP/ PPK
Rekod dan Fail	PPT/ PTPO

PROSES PENGHANTARAN KERTAS KERJA

- Setiap kelab/persatuan adalah bertanggungjawab sepenuhnya memastikan kegiatan yang dilaksanakan berjalan dengan lancar mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.
- Setiap permohonan mengadakan aktiviti hendaklah mendapatkan sokongan daripada Penasihat dan MPP bagi persatuan di bawah HEP, manakala tambahan kelulusan oleh Dekan/Timbalan Dekan (Penyelidikan, Keusahawanan dan Pembangunan Pelajar) bagi persatuan di bawah fakulti.
- Penasihat kelab/persatuan dipertanggungjawabkan sepenuhnya ke atas perancangan, pelaksanaan, pengendalian, pemantauan, penilaian dan penambahbaikan kegiatan persatuan. Penasihat kelab/persatuan perlu mengambil tindakan disiplin ke atas kegiatan persatuan pelajar yang tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.
- Untuk aktiviti dalam negara, permohonan hendaklah dihantar empat (4) minggu sebelum tarikh aktiviti dijalankan. Pelajar perlu merujuk garis panduan mobiliti pelajar sedia ada bagi permohonan aktiviti luar negara.

Prosedur Terperinci

Penghantaran (<i>applied</i>) kertas kerja melalui Portal Capsule UMK oleh kelab/persatuan mengikut takwim (almanac) yang disediakan.	YDP Kelab/Persatuan
Pengesahan (<i>verify</i>) kertas kerja melalui Portal Capsule UMK oleh Penasihat.	Penasihat
Semakan (<i>review</i>) dan sokongan oleh Majlis Perwakilan Pelajar.	MPP
Semakan kewangan melalui Portal Capsule UMK.	PPT / PTK / PT (P/O)
Sokongan (<i>recommend</i>) oleh pegawai melalui Portal Capsule UMK.	PP / PPK
Kelulusan (<i>approve/reject</i>) daripada TNC HEPA bagi kos yang melebihi siling yang dibenarkan.	PP / PPK
Surat kelulusan kertas kerja dikeluarkan melalui sistem.	PT (P/O)
Rekod dan Fail.	PT (P/O)

*Khidmat Nasihat bagi proses dan prosedur tempahan/kewangan bagi penganjuran program boleh merujuk kepada pegawai

PUSAT KOKURIKULUM

SEKSYEN KOKURIKULUM BERKREDIT

KOMPONEN KEUSAHAWANAN

- Aksi Inovasi Dalam Keusahawanan

KOMPONEN BADAN BERUNIFORM

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Jumlah Kredit	Catatan
1.	UKV10402 UKV20402 UKV30402	Pasukan latihan Pengawai Simpanan (PALAPES) Darat PALAPES Tentera Darat 1 PALAPES Tentera Darat 2 PALAPES Tentera Darat 3	2 2 2	Pelajar akan ditauliahkan di Majlis Pentauliahan
2.	UKV1022 UKV2022 UKV3022	Pasukan latihan Pengawai Simpanan (PALAPES) Laut PALAPES Tentera Laut 1 PALAPES Tentera Laut 2 PALAPES Tentera Laut 3	2 2 2	Pelajar akan ditauliahkan di Majlis Pentauliahan
3.	UKV10102 UKV20102 UKV30102	Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (Kor Suksis) KOR SUKSIS 1 KOR SUKSIS 2 KOR SUKSIS 3	2 2 2	Pelajar akan ditauliahkan di Majlis Pentauliahan
4.	UKV10302 UKV20302	Siswa/Siswi Koreksional (SISKOR) SISKOR 1 SISKOR 2	2 2	Pelajar akan ditauliahkan di Majlis Pentauliahan
5.	UKV10202 UKV20202 UKV30201	Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) KOR SISPA 1 KOR SISPA 2 KOR SISPA 3	2 2 2	Pelajar akan ditauliahkan di Majlis Pentauliahan
6.	UKU10902	Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (Udara)	2	
7.	UKU11002	Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia	2	
8.	UKU11102	Pandu Puteri Siswi	2	
9.	UKU10702	Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM)	2	
10.	UKV10502	Briged Bomba & Penyelamat	2	

PERKHIDMATAN

Pusat Kokurikulum turut menyediakan perkhidmatan bagi menjalani aktiviti perkhemahan dan aktiviti luar seperti berikut :

- Pakej sewaan Padang Kawad (Fasiliti dan Penginapan)

FASILITI DAN KEMUDAHAN

Pusat Kokurikulum juga mempunyai fasiliti dan kemudahan yang kondusif dan selamat kepada pelajar seperti berikut :

- Padang Kawad
- Kawasan Aktiviti Perkhemahan
- Kabin dan Berek
- Rempuh Halangan
- Night Walk
- Tasik

PUSAT SUKAN

Pusat Sukan merupakan suatu entiti yang telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan perkhidmatan sukan dan rekreasi kepada semua pelajar yang melanjutkan pengajian di UMK dalam membantu pembentukan sahsiah diri serta pengembangan bakat pelajar. Terdapat tiga (3) Seksyen buat masa ini yang menjalankan fungsi untuk membantu merealisasikan matlamat sama ada di peringkat Universiti khususnya dan di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) amnya iaitu Seksyen Korporat, Promosi dan Penajaan, Seksyen Kemudahan dan Fasiliti, Seksyen Pembangunan dan Kecemerlangan Atlet.

PERKHIDMATAN

Berikut adalah antara perkhidmatan yang disediakan yang ada di Pusat Sukan UMK untuk kemudahan dan kegunaan semua pelajar :

Aktiviti Riadah

- Membantu pelajar memanfaatkan sepenuhnya kemudahan sukan yang sedia ada bagi mewujudkan suasana yang sihat dan cergas sepanjang pengajian.

Kejohanan/Pertandingan acara sukan sama ada di peringkat dalaman dan luar UMK.

- Penganjuran Kejohanan peringkat UMK atau dalaman seperti Karnival Sukan Mahasiswa (KRISMA) iaitu Sukan Antara Fakulti melibatkan pelajar ketiga-tiga kampus. Di samping itu juga penganjuran yang melibatkan pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTj) UMK melalui program kerjasama dengan Pusat Sukan. Ianya juga merupakan platform untuk pemilihan semua pelajar mewakili UMK ke peringkat yang lebih tinggi
- Penyertaan ke kejohanan peringkat Universiti anjuran Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) di bawah keelolaan KPT khusus untuk Universiti Awam (UA) yang diadakan sepanjang tahun.
- Penyertaan ke kejohanan peringkat Institusi Pengajian Tinggi (melibatkan UA dan IPTS) yang juga diadakan sepanjang tahun.

SENARAI SUKAN DAN PERMAINAN DI UMK

- | | | |
|------------------|-------------------|------------------------|
| ▪ Bola Sepak | ▪ Ping Pong | ▪ Olahraga |
| ▪ Bola Jaring | ▪ Badminton | ▪ Tenpin Boling |
| ▪ Bola Tampar | ▪ Pencak Silat | ▪ Sepak Takraw |
| ▪ Bola Keranjang | ▪ Taekwondo | ▪ Bola Baling |
| ▪ Boling Padang | ▪ Karate-Do | ▪ Softbol |
| ▪ Futsal | ▪ <i>Woodball</i> | ▪ <i>Kayak/ Rowing</i> |
| ▪ Skuasy | ▪ Catur | ▪ <i>Lawn Bowls</i> |
| ▪ Petanque | ▪ Berbasikal | |
| ▪ Tenis | ▪ Ragbi | |

Hal ehwal pembangunan sukan dan juga promosi iaitu:

- Merancang dan mengurus pembangunan sukan pelajar dan staf UMK bagi tujuan peningkatan tahap kepakaran dalam sukan yang diceburi.
- Menguruskan hebahan /promosi aktiviti/program anjuran Pusat Sukan serta kejayaan sukan UMK.
- Menyediakan pelaporan sukan dan buletin secara berkala untuk informasi semua peringkat.
- Menyelaras program penganjuran/kejohanan/aktiviti peringkat Universiti dan terbuka.
- Menguruskan aktiviti-aktiviti kerjasama dengan KPT/Agensi.

FASILITI DAN KEMUDAHAN

Pusat Sukan UMK juga menyediakan kemudahan dan fasiliti sukan yang terkini dan kondusif untuk kegunaan semua pelajar di setiap kampus. Kemudahan sukan yang disediakan adalah seperti berikut :

- Padang Bola Sepak
- Gelanggang Bola Jaring
- Gelanggang Bola Bola Tampar
- Gelanggang Sepak Takraw
- Gelanggang Tenis
- Gelanggang Futsal
- Gelanggang Petanque
- Gelanggang Bola Keranjang
- Gelanggang Squasy
- Dewan Serbaguna (Badminton/Ping Pong)
- Padang *Woodball*
- *Outdoor Gimnasium*

PUSAT KEBUDAYAAN

Aktiviti/program kebudayaan yang dianjurkan atau disertai oleh mahasiswa melibatkan pertandingan dan persembahan di peringkat Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKMUM), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Universiti Awam dan Swasta, Persatuan/Kelab Kebudayaan, Syarikat Swasta dan badan bukan kerajaan. Aktiviti kesenian dan kebudayaan utama yang disediakan oleh UMK adalah:

- Dikir barat
- Tarian (Cina, India, Melayu, Suku kaum)
- Nyanyian
- Teater
- Puisi/Sajak/Pantun
- Nasyid
- Band
- Pengacaraan
- Mak Yong
- Gamelan
- Musik Tradisional
- Kumpang

PERKHIDMATAN

- Kemudahan fasiliti (ruang/latihan/studio)
- Khidmat kejurulatihan dan kepakaran
- Persembahan kebudayaan
- Pengurusan acara/majlis (pengacara/ushrer/pengurus program)
- Pemilihan bakat pelajar/staf
- Pinjaman dan sewaan peralatan

PAKEJ PERSEMBAHAN (DALAMAN UMK)

PAKEJ KIJANG EMAS **RM2500**

- 5 Tarian (Tarian Tradisional/ Rampaian Melayu/ Rakyat)
- 6 lagu nyanyian
- Jangka masa persembahan 1 jam

*Jenis persembahan tarian dan nyanyian adalah budibicara pihak Pusat Kebudayaan dengan pelanggan.

PAKEJ JENTAYU **RM1000**

- 2 Tarian (Tarian Tradisional/ Rampaian Melayu/ Rakyat)
- 2 lagu nyanyian
- Jangka masa persembahan 15 minit hingga 30 minit

*Jenis persembahan tarian dan nyanyian adalah budibicara pihak Pusat Kebudayaan dengan pelanggan.

PAKEJ PETALAWATI **RM2000**

- 4 Tarian (Tarian Tradisional/ Tarian Rampaian Melayu/ Rakyat)
- 4 lagu nyanyian
- Jangka masa persembahan 45 minit

*Jenis persembahan tarian dan nyanyian adalah budibicara pihak Pusat Kebudayaan dengan pelanggan.

KADAR LAIN - LAIN PERSEMBAHAN

- Persembahan Gamelan - RM2500
- Persembahan Tarian - RM1200
- Persembahan Dikir Barat - RM2000
- Persembahan Band - RM2000
- Persembahan Busking - RM1000
- Persembahan Nasyid - RM1500
- Persembahan Kompang - RM1000
- Persembahan Nyanyian - RM150
- Kumpulan Aerobik - RM250
- Pengacara Majlis - RM150

SYARAT - SYARAT

- Tempahan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari beserta 50% deposit sebelum tarikh persembahan.
- Bayaran secara EFT kepada **BENDAHARI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**.
- Pihak penganjur perlu sediakan tempat bilik persalinan/persiapan, makanan, penginapan dan pengangkutan yang bersesuaian.
- Peralatan sistem lampu dan bunyi tidak disediakan.
- Pembatalan kurang tujuh (7) hari dari tarikh persembahan, deposit tidak akan dikembalikan.
- Pihak Pusat Kebudayaan berhak melakukan perubahan atau pembatalan persembahan.
- Syarat yang ditetapkan tertakluk kepada Pusat Kebudayaan, Pejabat Hal Ehwat Pelajar dan Alumni, Universiti Malaysia Kelantan.

PAKEJ PERSEMBAHAN (JABATAN/AGENSI LUAR)

PAKEJ KIJANG EMAS

RM3500

- 5 Tarian (Tarian Tradisional/ Rampaian Melayu/ Rakyat)
- 6 lagu nyanyian
- Jangka masa persembahan 1 jam

*Jenis persembahan tarian dan nyanyian adalah budibicara pihak Pusat Kebudayaan dengan pelangan.

PAKEJ JENTAYU

RM1500

- 2 Tarian (Tarian Tradisional/ Rampaian Melayu/ Rakyat)
- 2 lagu nyanyian
- Jangka masa persembahan 15 minit hingga 30 minit

*Jenis persembahan tarian dan nyanyian adalah budibicara pihak Pusat Kebudayaan dengan pelangan.

PAKEJ PETALAWATI

RM3000

- 4 Tarian (Tarian Tradisional/ Tarian Rampaian Melayu/ Rakyat)
- 4 lagu nyanyian
- Jangka masa persembahan 45 minit

*Jenis persembahan tarian dan nyanyian adalah budibicara pihak Pusat Kebudayaan dengan pelangan.

KADAR LAIN - LAIN PERSEMBAHAN

- Persembahan Gamelan - RM3000
- Persembahan Tarian - RM1500
- Persembahan Dikir Barat - RM3000
- Persembahan Band - RM2800
- Persembahan Busking - RM1500
- Persembahan Nasyid - RM1800
- Persembahan Kompang - RM1500
- Persembahan Nyanyian - RM300
- Kumpulan Aerobik - RM300
- Pengacara Majlis - RM300

SYARAT - SYARAT

- Tempahan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari beserta 50% deposit sebelum tarikh persembahan.
- Bayaran secara EFT kepada **BENDAHARI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**.
- Pihak penganjur perlu sediakan tempat bilik persalinan/persiapan, makanan, penginapan dan pengangkutan yang bersesuaian.
- Peralatan sistem lampu dan bunyi tidak disediakan.
- Pembatalan kurang tujuh (7) hari dari tarikh persembahan, deposit tidak akan dikembalikan.
- Pihak Pusat Kebudayaan berhak melakukan perubahan atau pembatalan persembahan.
- Syarat yang ditetapkan tertakluk kepada Pusat Kebudayaan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Malaysia Kelantan.



MAJLIS PENGETUA

Terdiri daripada Pengetua, Felo, Pembantu Felo dan dibantu oleh Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK) di setiap Kampus.

Fungsi dan Peranan

- Membantu Pengetua dalam pentadbiran dan pengurusan Seksyen Kefeloan.
- Memantau hal ehwal kebajikan pelajar selepas waktu pejabat dan pada hari cuti terutamanya bagi kes-kes kecemasan.
- Membantu hal ehwal pengurusan kolej dari aspek aktiviti pelajar.
- Memberi bimbingan, bantuan dan nasihat serta memantau kebajikan dan kegiatan-kegiatan pelajar di kolej kediaman.
- Memantau dan membantu meningkatkan kebajikan sosial dan akademik pelajar-pelajar di kolej kediaman.
- Memantau, memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada pelajar dalam melaksanakan aktiviti/program pembangunan insaniah dan sahsiah di kolej kediaman.
- Menguatkuasakan peraturan kolej kediaman yang ditetapkan.
- Memantau dan menguatkuasakan sebarang peraturan kolej kediaman untuk memelihara keselamatan, ketenteraman dan keharmonian kolej kediaman.
- Memantau dan menguatkuasa peraturan serta penjagaan kebersihan dan keselamatan harta benda kolej kediaman.

PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

Pusat Kesihatan Universiti telah diwujudkan di ketiga-tiga Kampus UMK bagi memberikan rawatan perubatan kepada para pelajar.

Masa Perkhidmatan :

Ahad sehingga Rabu : 08:00 pagi – 05:00 petang
Khamis : 08:00 pagi – 03:30 petang
Waktu Rehat : 01:00 tengah hari – 02:00 petang

Kemudahan Rawatan Perubatan

- Rawatan Pesakit Luar
- Rawatan Kes Kecemasan
- Rawatan Pergigian UMK Bachok
- Kesihatan Awam

Selain rawatan, pihak Universiti juga menyediakan perkhidmatan tunggu sedia/ *stand-by* untuk aktiviti atau program yang melibatkan pelajar, pemeriksaan kebersihan kafeteria, pinjaman peti kecemasan dan bekalan ubat- ubatan kepada pelajar yang menjalani aktiviti di luar kampus. Ini semua bagi memastikan pelajar mendapat manfaat perubatan secara optimum.

BAHAGIAN KEBAJIKAN DAN TATATERTIB PELAJAR

Bahagian ini bertanggungjawab dalam menguruskan kebajikan pelajar dan tatatertib pelajar mengikut peraturan dan kaedah tatatertib pelajar Universiti Malaysia Kelantan.

KEBAJIKAN

Kebajikan pelajar UMK meliputi perkara seperti berikut:

- Menguruskan permohonan biasiswa/ tajaan dan pinjaman seperti PTPTN/ JPA/ Yayasan Negeri;
- Menguruskan Surat Jaminan Tanggungan Bayaran Rawatan Pelajar di Hospital Kerajaan/ Hospital Universiti (*Guarantee Letter*) serta pembayaran bil hospital dan tuntutan caj rawatan pelajar;
- Menguruskan pelantikan Skim Pelajar Bekerja;
- Menguruskan Permohonan Pinjaman Jangka Pendek;
- Menyediakan Surat Pengesahan Tajaan Pelajar;
- Menguruskan Bantuan Kewangan Pelajar termasuk wang sara diri dan tuntutan yuran Pelajar Kelainan Upaya (OKU);
- Menguruskan caruman dan tuntutan insuran berkelompok pelajar Pra Siswazah, Pasca Siswazah, Pra Ijazah, dan Persediaan Sains;
- Menguruskan Skim Khairat Kematian dan Kemalangan Pelajar/ Ibu/ Bapa/ Suami/ Isteri/ Anak;
- Menguruskan Bantuan Food Bank Siswa UMK dengan kerjasama pihak luar.
- Menyelaras penyaluran sumbangan / bantuan daripada warga universiti dan pihak luar kepada pelajar.
- Menyelaraskan sumbangan komputer riba kepada pelajar asnaf.
- Menguruskan inisiatif Pembangunan Siswa Sulung.

FASILITI ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

Kebajikan pelajar UMK meliputi perkara seperti berikut:

- Merangka dan melaksanakan program-program kesedaran OKU kepada pelajar, staf (akademik dan bukan akademik)
- Menjadi tempat rujukan berkaitan isu pelajar/staf OKU dan pelawat OKU terutamanya yang melibatkan aspek kemudahan fasiliti dan sokongan yang bersesuaian mengikut keperluan.

TATATERTIB PELAJAR

- Menguruskan proses pelantikan Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar;
- Meneliti laporan kes tatatertib yang diterima dan memastikan laporan tersebut lengkap;
- Menguruskan proses pendakwaan kes tatatertib pelajar;
- Menguruskan *prosiding* tatatertib pelajar (Akademik dan Bukan Akademik) selaras dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 serta kaedah-kaedah Universiti Malaysia Kelantan (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009;
- Menguruskan proses hukuman tatatertib pelajar; dan
- Menguruskan proses rayuan tatatertib pelajar.

HUKUMAN TATATERTIB

Merujuk kepada Kaedah 49, Bahagian V (Tatacara Tatatertib), Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Kelantan (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009, seseorang pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah- Kaedah ini dan didapati bersalah atas kesalahan itu boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai yang berikut:

- Amaran;
- Denda tidak melebihi satu ratus ringgit;
- Dilarang berada atau memasuki mana-mana bahagian atau bahagian- bahagian tertentu Universiti bagi sesuatu tempoh yang ditetapkan;
- Digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan; dan
- Dipecat daripada Universiti.

Maklumat Perlindungan Insuran Berkelompok bagi Pelajar Pra Siswazah adalah seperti berikut:


BIL	SKOP PERLINDUNGAN
1	Kematian Biasa/ Penyakit
2	Kematian (Kemalangan)
3	Keilangan Kekal Menyeluruh (Biasa/ Penyakit)
4	Keilangan Kekal Menyeluruh (Kemalangan)
5	Keilangan Separa Kekal (Kemalangan)
6	Perbelanjaan Perubatan (Kemalangan)
7	Perbelanjaan Perubatan (Penyakit Kritikal)
8	Elaun Wad Hospital (Kemalangan)
9	Perbelanjaan Pengebumian Jenazah
10	Perbelanjaan Penghantaran Pulang Jenazah
11	Yuran Ambulans (Disebabkan Kemalangan)
12	Kemalangan disebabkan Kebakaran
13	<i>Dengue Recuperation</i>
14	<i>Rape Trauma</i>
15	<i>Snatch Theft Injury</i>

Pelajar boleh menghubungi Bahagian Kebajikan dan Kebajikan Pelajar sekiranya terdapat apa-apa pertanyaan berkaitan dengan perkara ini.

PROSES PERMOHONAN JAMINAN RAWATAN

1. Daftar masuk menggunakan no. matrik dan kata laluan pelajar.
2. Pilih menu HEPA > "Student Guarantee Letter" dan pilih menu "Apply GL".
3. Isi segala butiran dengan lengkap dan betul, kemudian tekan butang "Submit".
4. Pelajar boleh menyemak kelulusan permohonan di Capsule UMK > Student Guarantee Letter > Application List.

- Satu (1) permohonan yang diperakukan hanya sah untuk digunakan bagi satu (1) kali rawatan sahaja.
- Permohonan hanya diperakukan di Hospital Kerajaan sahaja, tidak termasuk kos pembelian besi dan aksesori serta kecantikan dan tidak melebihi RM5,000 dalam satu (1) tahun.



<https://capsule.umk.edu.my> 🔍

RAWATAN YANG TIDAK DITANGGUNG OLEH UNIVERSITI

- Segala bayaran rawatan yang telah ditanggung oleh Skim Insuran Kelompok Pelajar.
- Semua keluarga pelajar.
- Rawatan penyakit kronik yang sedia ada sebelum mendaftarkan diri sebagai pelajar seperti penyakit jantung, buah pinggang, kencing manis dan lain-lain.
- Rawatan ubat-ubatan dan peralatan untuk pencegahan kehamilan, kemandulan/kesuburan atau tuntutan-tuntutan kerana bersalin.
- Alat-alatan dan barang-barang gantian anggota kaki palsu, cermin mata, alat pendengaran dan sebagainya.
- Rawatan pemindahan anggota seperti pemindahan jantung, buah pinggang, mata dan sebagainya.
- Rawatan imunisasi untuk tujuan pelalian KECUALI dalam keadaan wabak atau suntikan vaksin tetanus yang diberikan selepas luka.
- Rawatan perubatan dan pembedahan dengan tujuan kosmetik dan ritual seperti berkhatan dan sebagainya melainkan dalam keadaan di mana Pegawai Perubatan Universiti berpendapat rawatan itu diperlukan untuk mengurangkan risiko kepada pesakit.
- Kecederaan atau pesakit yang disebabkan oleh perubatan tidak sopan, perbuatan yang disengajakan, kelalaian, perbuatan yang terdedah kepada kegiatan yang membahayakan atau menggunakan alkohol atau dadah yang berlebihan.
- Produk/makanan kesihatan.
- Perbelanjaan rawatan perubatan homeopati atau tradisional seperti bomoh, dukun, singseh dan sebagainya.
- Perbelanjaan rawatan di hospital swasta/Institut Jantung Negara atau rawatan kelas pertama di mana-mana Hospital Kerajaan.
- Perbelanjaan rawatan di luar negara.
- Rawatan pemulihan dadah dan ketagihan rokok.
- Rawatan ke atas kecederaan tubuh yang disengajakan (*self inflicted injury*) atau akibat penglibatan secara langsung di dalam demonstrasi, rusuhan dan tunjuk perasaan.
- Segala rawatan untuk penyakit kronik yang wujud sebelum atau selepas menjadi pelajar termasuk kos ubat-ubatan atau ujian-ujian makmal berkaitan (untuk pelajar antarabangsa sahaja).
- Permohonan ujian makmal atau X-ray yang tidak relevan dengan penyakit yang dialami.

BAHAGIAN PENGINAPAN PELAJAR

Bahagian Penginapan Pelajar bertanggungjawab menguruskan penempatan serta kemudahan pelajar bagi mewujudkan suasana kediaman yang selesa dan selamat. Antara keistimewaan penginapan disediakan kepada pelajar-pelajar daripada kategori berikut:-

- Semua pelajar Tahun Pertama (semester September dan Februari)
- Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
- Ahli Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK)
- Pelajar kelainan upaya (OKU)
- Pelajar sakit/mempunyai penyakit kronik.
- Selain kategori pelajar di atas, penginapan tidak akan disediakan tetapi pelajar boleh membuat rayuan. Kelulusan rayuan tertakluk kepada kekosongan dan memenuhi syarat-syarat permohonan.

Bahagian Penginapan Pelajar terdiri daripada dua seksyen iaitu Seksyen Pengurusan Asrama dan Seksyen Pengurusan Luar Kampus. Antara fungsi kedua-dua seksyen tersebut adalah seperti berikut:-

SEKSYEN PENGURUSAN ASRAMA

Terdiri daripada Pengurus Asrama, Penolong Pengurus Asrama, Penyelia Asrama, Pembantu Tadbir (P/O) dan Pembantu Awam bagi melaksanakan fungsi-fungsi berkaitan:-

Penempatan & Penginapan

- Merancang penempatan dan pendaftaran penginapan pelajar sepanjang tempoh pengajian dan cuti semester;
- Menguruskan permohonan penginapan/sewaan oleh organisasi luar;
- Mengemaskini data pelajar yang menginap dalam dan luar kolej kediaman;
- Menjalankan pemeriksaan kebersihan bilik/rumah (semester pengajian dan cuti semester); dan
- Menguruskan permohonan rayuan penginapan.

Perkhidmatan & Penyelenggaraan

- Mengenalpasti dan membuat aduan kerosakan di bangunan kolej kediaman;
- Menyelia kerja-kerja penyelenggaraan serta pembaikan di bangunan kolej kediaman;
- Mengurus dan melaporkan kerja-kerja perkhidmatan pencucian bangunan; dan
- Pengurusan mel pelajar.

Pentadbiran & Pengurusan

- Mengurus dan mentadbir bahagian/seksyen serta hal-hal berkaitan dengan kakitangan;
- Melaksanakan dasar-dasar berkaitan dengan penginapan;
- Merancang pembangunan prasarana & kemudahan kolej kediaman; dan
- Pengurusan kenderaaan universiti yang diselia oleh Bahagian Penginapan Pelajar.

Kewangan

- Pengurusan kewangan kolej
 - Anggaran belanjawan (Mengurus dan Tabung Amanah)
 - Tender
 - Sebutharga

SEKSYEN PENGURUSAN LUAR KAMPUS

Terdiri daripada Penolong Pegawai Tadbir bagi melaksanakan fungsi-fungsi berkaitan:-

Perkhidmatan Pelajar

- Menyelaras maklumat pelajar luar kampus (e-LK); dan
- Membantu menyelaras perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan pengurusan universiti kepada pelajar luar kampus.

Pengurusan Rumah Sewa Pelajar

- Menyedia dan menyelaras maklumat rumah sewa di sekitar universiti;
- Menyediakan platform kepada pemilik rumah sewa untuk mendaftar/ mengiklankan rumah sewa; dan
- Menjadi perunding atau penasihat kepada pelajar luar kampus berhubung isu sewaan.

Jaringan Masyarakat

- Menyelaras pemantauan pelajar luar kampus bersama Jawatankuasa Penduduk Setempat dan Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- Memberi manfaat kepada industri dan komuniti setempat.

FASILITI

Kompleks Budaya

- Studio
- Peralatan : Pinjaman/ Sewaan

Alat Muzik (Moden/ Tradisional) :

Band, Gamelan, Mak Yong/Wayang Kulit, Rebana Ubi, Kertuk, Dikir Barat, Kompang, Nasyid.

Kostum :

Tarian, Teater, Nyanyian, Koir, Nasyid, Dikir Barat, Mak Yong dan Penyambut Tetamu.

Kemudahan Sukan

- Padang Bola Sepak
- Gelanggang Petanque
- Gelanggang Tenis
- Gelanggang Bola Keranjang
- Gelanggang Bola Jaring
- Gelanggang Bola Tampar
- Gelanggang Sepak Takraw
- Gelanggang Futsal
- Gelanggang Skuasy
- Dewan Serbaguna (Badminton/ Ping Pong)
- Padang *Woodball*
- *Outdoor Gym* (UMK Bachok dan UMK Kampus Jeli)
- *Indoor Gym* (UMK Kampus Kota)

Ruang Aktiviti

- Llarar (UMK Kampus Kota)
- Laman siswa (UMK Kampus Kota)
- Laman Monsun (UMK Bachok)
- Laman Kemarau (UMK Bachok)
- Dewan Serbaguna (UMK Kampus Jeli)
- Dewan Keusahawanan (UMK Kampus Kota)
- Dewan Eksperimental (UMK Kampus Kota)
- Tamu Waris (UMK Bachok)
- Teniat (UMK Bachok)
- Bilik Aktiviti Pelajar (Pejabat HEPA UMK Bachok)
- Dewan Tuanku Canselor (UMK Bachok)

Padang Kawad dan Tapak Rempuh Halangan (UMK Bachok)

- Dorm Penginapan
- Kabin

Kafetaria (UMK Bachok & UMK Kampus Jeli)

Mesin ATM Bank Islam & RHB (UMK Bachok & UMK Kampus Jeli)

Pengangkutan

- Kemudahan seperti bas, van, kereta, MPV, Kenderaan Pacuan Empat Roda (4x4) yang disediakan bagi melaksanakan program dan aktiviti*
**Tertakluk kepada kelulusan program dan ketersediaan kenderaan*

Kemudahan Asas Kolej Kediaman

- Katil
- Tilam
- Almari
- Meja Belajar
- Kerusi
- Lampu
- Lampu Belajar
- Cermin Muka
- Rak Kasut
- Penyidai Tuala
- Kipas
- Jaringan Wi-Fi
- *Student Lounge* (Kampus Kota)

DIREKTORI

PUSAT / BAHAGIAN / SEKSYEN	NO. TEL	EXT.	KAMPUS
PUSAT PEMBANGUNAN KERJAYA, KAUNSELING DAN ALUMNI	09-779 7421	11809	BACHOK
PUSAT PEMBANGUNAN MAHASISWA HOLISTIK DAN KEPIMPINAN PELAJAR	09-7797410	10499	BACHOK
PUSAT KESIHATAN	09-7797516	11736	BACHOK
PUSAT KOKURIKULUM	09-7717034	11027	KOTA
PUSAT KEBUDAYAAN	09-7797436	10367	BACHOK
BAHAGIAN KEBAJIKAN DAN TATATERTIB PELAJAR	09-7797424	11824	BACHOK
BAHAGIAN PENGINAPAN PELAJAR	09-7717043	10846	KOTA
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	09-7797046	10097	BACHOK
PUSAT SUKAN	09-7797498	7064	BACHOK
MAJLIS PENGETUA	09-7797439	11465	BACHOK

PENGHARGAAN



Sekalung Penghargaan dan Ucapan Terima Kasih

Naib Canselor,
Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari,
Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang,
Semua Staf Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni),
Pusat Komunikasi Korporat dan semua pihak yang membantu sama ada
secara langsung atau tidak langsung
dalam menjayakan penerbitan buku ini.

LAGU UMK

TERBILANG UMK

Biru, jingga dan merah warnanya
Semangat sumpah setia
Inovatif, integriti
Ilmu diterokai

Warisan, budaya, sumber asli
Keusahawanan teras kami
Kekayaan akal dan budi
Mendidik, insan yang sejati

Merintis perubahan terkini
Demi-Mu yang Maha Pencipta
Merealisasi visi menjadi realiti
Demi negara tercinta

Relevan, unik dan berbeza
Penjana peradaban bangsa
Janji kami pada semua
Taburi, jasa di mana jua

Universiti Malaysia Kelantan
Terbilang UMK

Gubahan Lagu / *Song Arrangement*:
Ariffin bin Pawanchik
Lirik / *Lyrics*:
Marwan bin Ismail

SIDANG EDITORIAL

PENAUNG
DATO' PROF. DR. RAZLI BIN CHE RAZAK
NAIB CANSOLOR

PENASIHAT
PROF. DR. MOHAMMAD BIN ISMAIL
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)

KETUA EDITOR
RAJA AZLAN BIN RAJA ISMAIL

EDITOR
TUAN ZULKIPELI BIN TUAN YEH
AHMAD FADZIL BIN ABD. RASHID

PENOLONG EDITOR
DR. NORAZLINDA BINTI MOHAMED ROSDI
MOHD NORHAFIZAN BIN MUHAMMAD
NIK ZULKAMAL BIN NIK HASSAN

PEREKA TEMA 3M
ELYANI BINTI ZAMRI

PEREKA BUKU PANDUAN
NUR IZZAH BINTI JOHAR AZMI

FOTOGRAFI
MOHD AL AZAM BIN MAT RAZI
AB HALIM BIN AB AZIZ

EDITOR BERSEKUTU

PUSAT PEMBANGUNAN KERJAYA, KAUNSELING DAN ALUMNI
DR. RAZMAN HAFIFI BIN REDZUAN
MOHD NORHAFIZAN BIN MUHAMMAD
NURUL ASHIKIN BINTI MOHD LUKMAN

PUSAT PEMBANGUNAN MAHASISWA HOLISTIK
DAN KEPIMPINAN PELAJAR
DR. NOORMARIANA BINTI MOHD DIN
MOHD KHIR AMIN BIN ZAKARYA

PUSAT KOKURIKULUM
DR. SYARIZAL BIN ABDUL RAHIM
NUR YUHANIS BINTI MAT YUSOFF

PUSAT SUKAN
WAN AHMAD KHAIRUL BIN WAN AHMAD NAJIB
MOHD RAMDAN BIN MOHD SHAFIAN

PUSAT KEBUDAYAAN
SHAIPUDDIN BIN MUHAMMAD
RAJA FADHILAH BINTI RAJA AHMAD


MAJLIS PENGETUA
DR. NORAZLINDA BINTI MOHAMED ROSDI
DR. AZIRA HANANI BINTI AB RAHMAN
DR. NOOR HAFIZOH BINTI SAIDAN

BAHAGIAN KEBAJIKAN DAN TATATERTIB PELAJAR
MOHD ADLI BIN ISMAIL

BAHAGIAN PENGINAPAN PELAJAR
NORHAZLINA BINTI ISMAIL
MOHD TARMIZI BIN MOHD YUSOFF

PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI
DR. IKRAM RAUHI BIN CHE IBRAHIM

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
ENGKU FADILAH BINTI ENGKU ISMAIL



      OfficialUMK